

33

SOALAN NO.: 411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah
[Lenggong]
SOALAN : 411

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menambah bilangan ahli psikologi klinikal dan ahli psikiatri yang dilihat nisbahnya kini di dalam negara tidak selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) .

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental yang terbaik. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pakar Psikiatri adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana perubatan dan sub kepakaran bagi bidang

Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2013 kepada 66 slot pada tahun 2017 dan mengunjurkan sehingga tahun 2025 lebih banyak slot akan disediakan bagi memenuhi keperluan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

- ii. Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran bagi bidang Psikiatri melalui program laluan paralel *MRCPsych* (dengan izin).
- iii. Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- iv. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Kerajaan turut meningkatkan bilangan Pegawai Psikologi (Klinikal) kepada 25 orang pada tahun 2017 berbanding hanya 13 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 80 peratus. Antara langkah lain yang sedang dan akan dilaksanakan oleh KKM adalah seperti berikut:

- i. Seramai 10 orang pegawai psikologi (Umum) dan 1 orang pegawai psikologi (Kaunseling) telah dikenalpasti berminat untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana psikologi klinikal. Kesemua mereka telah menjalani latihan sangkutan dibawah penyeliaan pegawai psikologi (Klinikal) selama 1 bulan sebelum menyambung pengajian;

- ii. Mendapatkan perkhidmatan dalam bidang psikologi klinikal daripada Pensyarah Universiti Awam dan pengamal swasta. Pensyarah universiti awam menjalankan tugas-tugas klinikal di 3 hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kajang dan Hospital Serdang secara *visiting*(dengan izin) pada kadar 1 hari seminggu. Manakala Pegawai psikologi klinikal swasta ialah seramai 3 orang ditempatkan Hospital Bukit Mertajam, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sungai Petani; dan
- iii. Menjalankan *outreach programme* (dengan izin) dan promosi kerjaya sebagai Pegawai Psikologi (Klinikal).

Selain dari itu, Kementerian turut memberi peluang kepada 4 orang Pegawai Psikologi (Klinikal) untuk menghadiri latihan sangkutan di luar negara agar mereka mendapat pendedahan yang lebih luas. Pada masa yang sama, Pegawai Psikologi (Klinikal) juga mendapat pendedahan secara *on job training* (dengan izin) bersama Pakar Psikiatri untuk membolehkan mereka meningkatkan kemahiran dan pengalaman dalam bidang tugas.